

**SOALAN NO: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai penyelidikan dan usaha untuk mencipta vaksin denggi di Malaysia yang kita ketahui mengalami peningkatan kes demam denggi dan kematian yang sangat membimbangkan sejak awal tahun ini.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang peka akan keperluan kajian berkenaan vaksin di samping kajian lain bagi mengawal penyakit denggi. Pada masa ini, melalui Institut Penyelidikan Perubatan, penyelidikan bersama dengan Kementerian Pertahanan untuk membangun vaksin denggi sedang diusahakan.

Walau bagaimanapun, penyelidikan tersebut masih dalam fasa awal di mana penjukan DNA strain virus denggi tempatan dijalankan untuk mengenalpasti kesesuaian strain-strain tersebut dalam pembinaan prototaip vaksin denggi yang bakal dibangunkan.

Selain itu, bila mana ada vaksin baru dibangunkan oleh syarikat industri vaksin antarabangsa, KKM akan berterusan memberi kerjasama bagi sama-sama menjalankan penyelidikan bagi memastikan keberkesanan dan keselamatan penggunaan vaksin tersebut bagi menangani wabak denggi.